



---

Fail: ( ) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

28 Februari 2012

**SIARAN MEDIA**  
**TEMPOH PENDAFTARAN PENYEDIA PERKHIDMATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL**  
**DAN PEMBERSIHAN AWAM SEDIA ADA DILANJUTKAN**

**Putrajaya, 28 Februari 2012** – Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) hari ini memaklumkan bahawa tempoh bagi pendaftaran penyedia perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam sedia ada yang akan berakhir pada hari esok 29 Februari 2012 akan dilanjutkan kepada 31 Julai 2012.

Sehingga hari ini, iaitu sehari sebelum tarikh akhir pendaftaran penyedia perkhidmatan sedia ada sejumlah 786 pendaftaran yang telah diterima mewakili 52.5% daripada penyedia perkhidmatan sedia ada yang dianggarkan oleh Jabatan ini. Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara juga menegaskan adalah penting untuk semua penyedia perkhidmatan sedia ada mendaftar bagi membolehkan mereka meneruskan perkhidmatan tersebut. Kegagalan penyedia perkhidmatan sedia ada mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan pelaksanaan sebarang aktiviti berkenaan salah di sisi undang-undang.

Berkenaan dengan pendaftaran penyedia perkhidmatan sedia ada menurut Ketua Pengarah JPSPN Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) telah dikuatkuasakan bermula 1September 2011 di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Pahang, Kedah dan Perlis. Di bawah Akta tersebut semua penyedia perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam sedia ada di negeri-negeri dan wilayah Akta 672 berkuatkuasa diwajibkan mendaftar. Menurutnya lagi, pendaftaran boleh dibuat secara online di [www.bless.gov.my](http://www.bless.gov.my).

Untuk makluman, bagi yang menghadapi masalah untuk mendaftar secara online, boleh mendapatkan bantuan di pejabat-pejabat cawangan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di negeri-negeri berkenaan. Garis panduan pendaftaran perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam sedia ada, terma dan syarat pendaftaran serta maklumat lebih terperinci boleh disemak di [www.kpkt.gov.my/jpspn](http://www.kpkt.gov.my/jpspn).

Sebarang maklumat atau pertanyaan lanjut boleh diajukan dengan menghubungi talian Bahagian Kelulusan dan Pelesenan Jabatan pengurusan Sisa Pepejal Negara 03-8891 4553/ 4565/ 4566/ 4570/ 4569/4568.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)